

# SUKAN UMS TUMPUAN

lebih 100 pelajar dari sembilan negara berentap pada Taekwondo Universiti Asia



ANTARA kontinjen yang mewakili negara mereka.



RASMI...Omar (tiga dari kiri) meletakkan placard untuk merasmikan Kejohanan Taekwondo Universiti Asia ke-3 2012. Turut kelihatan dari kanan Shahril, Kasim dan Preecha.



CENDERAKENANGAN...Omar menyampaikan cenderakenangan kepada jurulatih pasukan Vietnam.

OLEH NOR AIN HASSAN  
norain@news.3sahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Lebih 100 pelajar universiti dari sembilan negara Asia, termasuk tuan rumah Malaysia, bakal berentap pada Kejohanan Taekwondo Universiti Asia (AUTC) ke-3 2012 yang akan diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kontinjen yang mengambil bahagian terdiri dari China, Kazakhstan, Mongolia, Nepal, Filipina, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.

Pertandingan tiga hari itu dibahagikan kepada dua acara iaitu kyorugi (sparing) untuk lelaki dan wanita dalam lapan kategori berat badan - fin, fly, bantam, feather, light, welter, middle dan heavyweight.

Satu lagi acara ialah poomsae untuk individu, tiga sepasukan dan pasangan campuran.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) telah memberikan penghormatan kepada UMS untuk menjadi tuan rumah kejohanan bertaraf antarabangsa ini yang bermula kelmarin dan berakhir esok.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata universiti tersebut akan terus menyokong pembangunan kesihatan fizikal disamping melahirkan individu berkualiti tinggi.

"Sasaran kami ialah melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademi tetapi juga sukan dan aktiviti kurikulum," katanya ketika majlis pembukaan kejohanan itu kelmarin.

Ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS serta Pengerusi Masum, Profesor Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur.

Harun yang juga penasihat AUTC ke-3 ini berkata dengan menjadi tuan rumah kejohanan bertaraf antarabangsa seperti ini, ia akan menyokong usaha UMS dan MOHE untuk memperkenalkan dan menggalakkan kecemerlangan sukan di kalangan pelajar, sambil menyemai persaingan sihat dalam sukan.

Selain itu, Harun turut menekankan salah satu objektif kejohanan ini ialah membina hubungan baik antara negara-negara Asia, yang membawa kepada kekuatan hubungan persahabatan selain berkongsi pengalaman.

"Saya harap pertandingan ini akan membawa kepada kerjasama akan datang dan hubungan kukuh antara semua negara yang bertanding dan pihak-pihak yang terlibat," kata Harun.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung (Pengurusan) MOHE, Datuk Hj Omar Abd Rahman berkata kementerian akan sentiasa menyokong penganjuran sukan antarabangsa seperti ini kerana ia bukan sahaja memperkenalkan sukan di peringkat universiti tetapi turut mengukuhkan persefahaman baik antara atlet-atlet dari seluruh dunia.

Omar turut menyuarakan rasa bangganya kerana Malaysia diberi kepercayaan dan dipilih buat kali pertama oleh negara-negara Asia untuk menjadi penganjur kejohanan ini.

Selain itu, Omar turut menjelaskan kejohanan ini bukan bertujuan mencari juara semata-mata, tetapi secara tidak langsung mendidik pelajar dan atlet bahawa kejayaan boleh

dicapai menerusi kerja keras, semangat kental, perancangan dan pengorbanan.

"Tidak ada jalan mudah untuk berjaya selain usaha berterusan dengan keazaman tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Omar memberitahu bersesuaian dengan konsep 1Malaysia, sukan adalah medium terbaik untuk mencapai persatuan, muhibah, keamanan dan kecemerlangan berterusan pada masa akan datang.

Jurulatih pasukan taekwondo Malaysia, Master Moi Chee Keong ketika diminta mengulas, berkata Malaysia dibarisi 16 juara dari universiti pelbagai negeri.

"Harapan kami, jika semuanya berjalan mengikut rancangan, kami boleh mencapai emas. Kerana ini adalah kejohanan bertaraf Asia, dan kebanyakan atlet kelihatan bagus. Tetapi kami juga memiliki beberapa jaguh kebangsaan dan rasanya persaingan agak seimbang.

"Ketika ini kami ada Ryan Chong dari Universiti Malaya (UM). Dia menunjukkan prestasi baik pada kelayakan Olimpik London 2012 sebelum ini dan walaupun gagal melayakkan diri, dia menimba pengalaman berguna dari sana. "Sudah tentu kami menasaskan pingat, dan warnanya bergantung kepada mereka," tambahnya.

Turut hadir ialah Penilai Persekutuan Sukan Universiti Asia merangkap Naib Presiden Lembaga Sukan Universiti Thailand Preecha Prayoonpat, Timbalan Naib Canselor (Kajian dan Inovasi) Profesor Dr Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS merangkap Pengerusi Masum dan Presiden Majlis Sukan Universiti Asia Profesor Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur.